

tuk sebuah badan yang menyatukan semua kegiatan pencak silat di Republik ini.

Perlu diingat bahawa sedang pertumbuhan - pertumbuhan yang berselerak di sini menganjurkan semakin banyak kelas tae kwondo, karate dan judo, satu keadaan yang tidak sihat telah timbul.

Kawalan

Ini adalah berikutan dengan apa yang disifatkan sebagai penyalahgunaan ilmu mempertahankan diri itu dan adanya orang - orang yang tidak bertanggungjawab menyampaikan pendidikan seni-seni tersebut.

Memandang kan peri perlunya mengawal dan mendaftar kegiatan berbagai seni pertahanan diri di sini, Pemerintah telah mengadakan Undang-Undang Seni Mempertahan kan Diri, sejak 1974.

Sebuah badan pengawal iaitu Unit Mengawal Seni Mempertahan kan Diri (Macu) telah dibentuk.

Antara lain tujuan mengadakan undang - undang itu, menurut satu kenyataan Pemerintah yang dikeluarkan pada 24 Ogos 1974, ialah memandangkan pertambahan - pertumbuhan yang

yang memerlukan setiap pertumbuhan mendaftar kegiatan di samping instraktor dan pelajar - pelajarnya sekali, terhadap kegiatan pencak silat di sini?

Perlu ditekankan terlebih dulu iaitu, ura-ura untuk menyatu dan menyelaraskan kegiatan pencak silat di Republik ini memang telah lama berbunga.

Menteri Negara Pejabat Perdana Menteri, Haji Ya'acob Mohamed, dalam satu perutusan kepada Badan Kesenian Melayu sempena Pesta Silat yang dianjurkan dalam Mac 1974, menarik perhatian bahawa walaupun kesenian pencak silat Melayu belum tandus lagi tetapi ia

hubungan Seni Pencak Silat' sebagai sebuah badan perhubungan kepada badan - badan pencak silat Melayu dalam usaha menyatukan segala kegiatan dengan cara yang lebih berkesan bagi menghidup, memaju, memperkembang dan mempopularkan 'seni budaya bangsa' ke tengah - tengah masyarakat yang berbilang bangsa dan budaya ini."

Seruan Haji Ya'acob itu telah di sambut baik oleh semua pertumbuhan Melayu yang mengadakan seni silat itu.

Dan dengan kerjasama dari Macu, yang telahpun menghubungi beberapa buah pertumbuhan itu terlebih awal

Hasil dari pertemuan dan perbincangan yang diadakan selanjutnya, maka tertubuhlah sebuah badan kesatuan - Persisi (Persekutuan Silat Singapura) pada Ogos 1976.

Faedah

Di samping menjadi pertumbuhan gabungan dari badan - badan silat di Republik ini, ia juga diistihar sebagai sebuah badan kebangsaan.

Sempena dengan itu, Haji Ya'acob yang menyokong kuat penubuhan badan tersebut berkata:

"Dengan ini bermulalah satu babak baru dalam bidang seni kita di Republik ini, yang bukan

- 6 MAR 1977

menganjurkan demonstrasi silat dan peraduan - peraduan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Sejumlah tujuh pertumbuhan Melayu yang menjalankan kegiatan pencak silat kini menjadi badan kerabat kepada Persisi.

Badan - badan tersebut ialah Perpensis; Badan Kesenian Melayu; Himpunan Queenstown; Pertapis; Persatuan Baweang Singapura; Pasak dan Perwanit.

Tiap - tiap pertumbuhan itu menghantar dua orang wakil untuk menganggotai Jawatankuasa Pentadbir Persisi.

Empat buah jabatan dalam Persisi pula diberikan tugas untuk berusaha ke arah mencapai matlamat yang dicita - citakan itu.

Jabatan - jabatan itu ialah: Ujian dan Disiplin; Perancangan; Pertunjukan dan Temuduga.

Greding

Antara lain, jabatan ujian dan disiplin membuat greding dan menguruskan pengaduan dari orangramai mengenai sesuatu yang ada hubungan dengan pencak silat.

Manakala jabatan temuduga pula bertanggungjawab ke atas para ins-

tidak dapat diaman-kan dalam menuju ke arah itu ialah Persisi perlu terlebih dulu memperkembangkan kegiatan dan kerja - kerjanya.

Berita Minggu

TERKABUL
6 MAR 1977

Dan memandangkan keadaan tersebut mungkin agak terlalu awal untuk ia dapat memaju dan mempopularkan pencak silat dikalangan belia - belia bukan Melayu.

Bagaimana pun, ini tidaklah bermakna ia tidak mungkin mencapai cita-cita itu.

Rancangan - rancangan yang disusun oleh Persisi termasuklah menganjurkan Pesta Silat tiga negara (Malaysia, Indonesia dan Singapura) dan menerbitkan sebuah buku mengenai pencak silat di sini pasti akan membantunya memajukan lagi bidang seni ini.

Dengan tenaga yang digembeling dengan tersusun dan sokongan dari Majlis Sukan Singapura yang telahpun memberikan seni pencak silat taraf sejenis sukan di sini, tidak syak lagi cita - cita murninya itu akan terkabul.



hu
os
ni
ta
na